

Headline	Gempur kilang proses plastik haram		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	3
ArticleSize	148 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 17,424		



Kilang memproses plastik haram yang beroperasi di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang (MPK) digempur besar-besaran bermula minggu depan.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, operasi dilaksanakan bagi tempoh tiga bulan berturut-turut.

Menurutnya, amaran tegas diberi kepada pemilik kilang haram itu untuk menutup serta-merta premis sebelum operasi dijalankan.

“Bermula minggu depan, MPK bersama agensi berkaitan mengambil tindak-

Klang

Gempur kilang proses plastik haram

kan tegas terhadap kilang berkenaan.

“Saya nasihatkan pemilik menutup kilang sebelum kami membawa kes ini ke mahkamah,” katanya selepas merasmikan program *Streetball 3ON3 Challenge 2019* di Galeri Jualan Gravit8 di sini, semalam.

Mohamad Yasid berkata, pihaknya merekodkan 47 kilang memproses plastik haram di daerah itu dan sembilan kilang ditutup manakala satu didakwa ke mahkamah.

Katanya, satu pasukan khas diwujudkan membabitkan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, Air Selangor, polis serta jabatan lain yang berkaitan.

“MPK juga menubuhan unit khas penguatuasaan pelesenan kilang. Unit ini memeriksa dari kilang ke kilang dan mengeluarkan kompaun bagi setiap kesalahan.

“Kompaun dikenakan sangat tinggi termasuk pekerja haram yang memba-



MOHAMAD Yasid

bitkan Jabatan Imigresen,” katanya.

Katanya, Pulau Indah dan Telok Gong antara kawasan tumpuan kilang memproses plastik haram itu beroperasi.